

15/07/1997

Persidangan MSC diadakan bulan depan

KUCHING, Isnin - Ahli perniagaan Sarawak dijemput menyertai persidangan Koridor Raya Multimedia (MSC) yang diadakan di Kuala Lumpur bulan depan sejajar dengan rancangan kerajaan negeri untuk mewujudkan perkampungan siber.

Persidangan Cabaran Dan Peluang Untuk Usahawan Siber itu berlangsung pada 14 dan 15 Ogos. Ia dijangka dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed.

Pengurus persidangan itu, Hasnah Abdul Rahman memberitahu persidangan berita di sini, hari ini bahawa acara itu dianjurkan oleh konsortium terdiri daripada Telekom Malaysia, Dewan Perniagaan dan Industri Kebangsaan Malaysia (NCCIM) dan Akademi TV3.

Beliau yakin usahawan dari Sarawak memberikan sambutan baik terhadap persidangan itu berikutan rancangan penubuhan perkampungan siber di Taman Perindustrian Teknologi Tinggi Sama Jaya, dekat sini.

(END)